

Jenayah dan Isu Pemerdagangan Orang Di Kalangan Warga Asing

Mohd Bakri Mohd Zinin

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama hadir di *Seminar On National Resilience* (SNAR) pada pagi yang penuh ceria dan indah ini.
2. Sebelum saya meneruskan ucap tama pada pagi ini, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan rasa bangga dan gembira saya kerana diberi penghormatan untuk berkongsi dengan hadirin sekalian isu yang menjadi topik perbincangan yang hangat sejak kebelakangan ini iaitu isu pemerdagangan orang.
3. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memikul tugas dan tanggungjawab yang amat mencabar di dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara Malaysia terpelihara dan terjamin. Setiap hari masyarakat didedahkan dengan berita mengenai jenayah sama ada ia berbentuk jenayah kekerasan mahupun yang berkaitan dengan harta benda. PDRM akan terus memikul tugas yang berat ini serta akan memastikan ia kekal relevan sebagai Pasukan Penguatkuasa Undang-Undang utama negara, selaras dengan peranan yang termaktub di bawah Seksyen 3(3) Akta Polis 1967, iaitu:
 - i. Memelihara Undang-Undang Dan Ketenteraman Awam.
 - ii. Mengekalkan Keamanan Dan Keselamatan Persekutuan.
 - iii. Mencegah Dan Mengesan Jenayah.
 - iv. Menangkap Dan Mendakwa Penjenayah.
 - v. Mengumpul Risikan Keselamatan.

4. Selain daripada menghadapi jenayah berbentuk konvensional seperti samun, bunuh, ragut, pecah rumah dan seumpamanya, skop peranan PDRM kini berubah apabila sempadan dunia semakin tipis dengan wujudnya globalisasi atau dunia tanpa sempadan. Ini telah mewujudkan trend baru dalam perlakuan jenayah melibatkan jenayah rentas sempadan atau jenayah transnasional merangkumi penyeludupan senjata api, dadah, kenderaan serta perjudian.
5. Perkembangan ini tidak terhenti di situ kerana kini trend jenayah rentas sempadan semakin parah dengan berkembangnya aktiviti pemerdagangan orang yang semakin membimbangkan.
6. Pemerdagangan orang atau apa yang juga dikenali sebagai sistem perhambaan cara moden merupakan salah satu jenayah terancang yang melanggar hak asasi dan etika masyarakat. Manusia diperniagakan seolah –olah suatu komoditi yang boleh dijual beli dan dieksploitasi di pasaran.
7. Pemerdagangan orang merupakan industri jenayah yang pantas dan terlaris di dunia dengan keuntungan tahunan mencecah antara 5 hingga 42 bilion dolar Amerika (USD\$5 - USD\$42 bilion). Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 2.5 juta manusia dari 127 buah negara telah diperdagangkan di seluruh dunia.
8. Usaha untuk menangani aktiviti pemerdagangan orang bukanlah sesuatu yang mudah kerana jenayah ini begitu komplikated dan semakin sofistikated. Sindiket pemedagangan orang begitu licik dan sentiasa berusaha melindungi aktiviti mereka, mengelakkan diri daripada disiasat, apatah lagi diambil tindakan undang-undang.

PEMERDAGANGAN ORANG DI MALAYSIA

9. Malaysia masih dianggap sebagai negara destinasi serta transit bagi aktiviti pemerdagangan orang. Namun, ia tidak dapat mengelak

daripada turut menjadi negara sumber, walaupun masih di tahap rendah. Malaysia berada di Tier 2 mengikut Laporan US Department of State - Trafficking in Persons Report 2008 berikutan kejayaan negara mengubal Akta Antipemerdagangan Orang (ATIP) 2007. Malangnya, mengikut kajian US Department of State, usaha Malaysia masih belum menyeluruh dan konkrit di dalam usaha menangani masalah ini menyebabkan negara diturunkan semula ke Tier 3 pada tahun 2009. Alhamdulillah, setelah melihat betapa gigih dan komitednya negara bertindak melalui pendekatan bersepadu semua Pasukan Penguatkuasa Undang-Undang, Malaysia kembali ke Tier 2 dalam laporan US Department of State yang dikeluarkan pada bulan Jun 2010 lalu.

10. Kenapa Malaysia menjadi negara destinasi serta transit?
11. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kebanjiran aktiviti pemerdagangan orang ke negara ini antara lain termasuklah kemiskinan, kurang pendidikan (iliterasi), krisis ekonomi, konflik dalaman dan serantau dan ketidakstabilan politik.
12. Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, kaya dan makmur dengan kedudukannya yang strategik di tengah-tengah ASEAN menjadinya tarikan utama kepada pendatang dari seluruh dunia. Kerancangan ekonomi negara yang bermula tahun 1970-han bukan sahaja menarik para pelabur ke Malaysia tetapi penghijrahan atau migrasi manusia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja untuk sektor perusahaan, perladangan dan perkhidmatan. Keperluan tenaga kerja ini telah membuka peluang kepada aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia.
13. Masalah ekonomi dan ketidakstabilan politik beberapa buah negara di Asia Selatan turut mendorong mereka mengorbankan sejumlah wang simpanan atau harta pusaka untuk datang ke Malaysia mencari rezeki. Peraturan dan undang-undang imigrasi serta pekerjaan

yang fleksibel membolehkan mereka datang bekerja di Malaysia dengan mudah. Dengan budaya rakyat Malaysia yang pelbagai dan sentiasa bertoleransi, memudahkan mereka mengasimilasi diri mereka dengan rakyat tempatan dengan mudah.

14. Semua yang indah ini merupakan tarikan yang disalahgunakan oleh sindiket pemerdagangan orang untuk menjerat individu yang akhirnya menjadi mangsa pemerdagangan orang.

ASPEK PERUNDANGAN

15. Sebagai negara yang disifatkan dunia sebagai salah satu negara yang menjadi destinasi, transit dan sumber pemerdagangan orang, Malaysia terpaksa mengakui dan akur akan cabaran serta ancaman akibat dari jenayah merentasi sempadan ini. Dalam konteks ini, Malaysia telah memanisfestasikan keseriusannya dalam menanganinya jenayah ini melalui pengubalan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670). Ini juga sejajar dengan persetujuan dan perjanjian yang telah Malaysia tandatangani di peringkat antarabangsa.

16. Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670) ini mendapat sumbernya dari dua (2) protokol, iaitu:

- i. Protokol Mencegah, Membendung dan Menghukum Pemerdagang Orang khususnya Wanita dan Kanak-kanak, dan
- ii. Protokol Menentang Penyeludupan Manusia Melalui Darat, Laut dan Udara.

17. Kedua dua Protokol ini adalah tambahan kepada Konvensyen PBB menentang Jenayah Merentasi Sempadan atau United Nations Convention Against Transnational Organized Crime (UNTOC) yang mana Malaysia bersetuju dan menandatangani.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PDRM

18. Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku agensi penguat kuasa yang terulung Negara sentiasa memandang serius terhadap jenayah pemerdagangan orang. Bagi memastikan tumpuan yang khusus diberikan kepada masalah ini, PDRM telah bertindak menubuhkan Unit Antipemerdagangan Orang (Unit ATIP) yang berpusat di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Unit ATIP ini antara lain bertanggungjawab mengenal pasti dan mengambil tindakan ke atas kes-kes pemerdagangan orang, membanteras sindiket yang terlibat, mengumpul maklumat dan risikan serta menjalankan penguatkuasaan di premis dan tempat yang berkaitan dengan kesalahan ini.

19. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PDRM memberi penekanan kepada jenis pengeksploitasian yang termaktub di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang merangkumi:

- i. Eksploitasi seks;
- ii. Kerja atau perkhidmatan paksa (force labour);
- iii. Perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan dan pengabdian;
- iv. Pemindahan organ manusia; atau
- v. Apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Eksploitasi seks.

20. Tidak dapat dinafikan pelacuran yang merupakan aktiviti yang tertua di dunia, sukar dihapuskan malah ianya diwarisi dari generasi ke generasi. Kegiatan ini mempergunakan dan mengeksploitasi wanita dari seawal usia 10 tahun. Berpandukan kajian yang dijalankan oleh PBB pada tahun 2006 bagi seluruh dunia, adalah dianggarkan daripada 800,000 orang telah diseludup masuk dan diperdagangkan, 80 peratus adalah merupakan wanita dan yang menyedihkan, daripada jumlah ini, 50 peratus terdiri daripada kanak-kanak. Angka ini tidak termasuk pemerdagangan di negara sendiri.

21. Di Malaysia, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 mula dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008. Walaupun Akta ini baru berusia (6) bulan ketika itu, Malaysia telah merekodkan sabitan pertamanya pada tahun 2008, apabila seorang wanita warganegara India telah berjaya disabitkan dengan kesalahan pemerdagangan orang melibatkan eksploitasi seks. Bagi tempoh 28 Februari 2008 hingga 27 Jun 2010, sebanyak (165) kes pemerdagangan orang melibatkan eksploitasi seks telah dicatatkan. Statistik juga menunjukkan bahawa dari sejumlah (808) mangsa pemerdagangan orang yang telah diselamatkan dari eksploitasi seks, kesemuanya (100 peratus) adalah dari kalangan warga asing. Dari sejumlah itu pula, seramai (42) adalah mangsa kanak-kanak.

22. Kejayaan mengesan mangsa-mangsa pemerdagangan orang melibatkan eksploitasi seks adalah hasil dari tindakan proaktif PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dengan menyelamatkan mangsa-mangsa pelacuran di pusat-pusat hiburan dan tempat-tempat kurungan tertentu. Dalam konteks ini, orang ramai telah memainkan peranan penting kerana tidak jemu - jemu menyalurkan maklumat tepat sehingga PDRM berjaya memberkas beberapa individu yang terlibat di samping berjaya melemahkan aktiviti-aktiviti sindiket-sindiket pelacuran. Untuk itu, PDRM ingin melahirkan rasa berterima kasih kepada masyarakat di atas keprihatinan dan kerjasama mereka.

23. Di arena antarabangsa pula, PDRM turut melakar sejarah dalam usaha menangani isu pemerdagangan orang apabila berjaya membongkar dan melumpuhkan satu sindiket pemerdagangan orang dengan tertangkapnya (3) individu kerana memperdagangkan perempuan-perempuan warganegara Malaysia dan warganegara China ke negara Australia untuk tujuan pelacuran.

Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia.

24. Apabila menyebut isu pemerdagangan orang, ramai orang keliru dan menyamakannya dengan masalah penyeludupan manusia. Kedua-

dua istilah ini merujuk kepada dua masalah yang berbeza. Namun demikian, penghujungnya sering berkait-rapat. Jika pemerdagangan orang lebih merujuk kepada elemen paksaan, penyeludupan manusia pula lebih kepada elemen rela hati. Penyeludupan manusia merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada pengangkutan manusia merentasi sempadan antarabangsa ke pintu masuk bukan rasmi negara destinasi, bagi pelbagai. Selalunya mereka yang diangkut tidak mempunyai dokumen perjalanan sah atau kebenaran untuk memasuki negara destinasi. Dianggarkan seramai 2.7 juta manusia diseludup di seluruh dunia setiap tahun dan 80% daripadanya membabitkan wanita dan kanak-kanak.

25. Di Malaysia, rekod menunjukkan terdapat sebanyak (21) kes penyeludupan manusia yang disiasat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Seramai (521) mangsa terlibat di dalam kes-kes ini yang terdiri daripada warga Asia Selatan termasuklah Sri Lanka, Afghanistan, Pakistan, Bangladesh, Iraq dan Nepal. Hasil daripada siasatan dan risikan yang dijalankan, jelas menunjukkan bahawa negara Malaysia digunakan sebagai transit bagi mangsa penyeludupan ini untuk ke negara ketiga. Dalam kes-kes ini, destinasi mereka adalah negara Australia.

Penjualan Bayi.

26. Masalah penjualan bayi di Malaysia masih belum serius. Sebaliknya, Negara kita lebih berdepan dengan masalah atau isu pembuangan bayi yang agak membimbangkan. Walau demikian, di sebalik semua ini, terdapat mereka yang mengambil kesempatan dan mengeksploitasi keadaan. Sebelum ia berjaya berkembang, aktiviti penjualan bayi oleh kumpulan dan sindiket-sindiket penjualan bayi tersebut berjaya dikesan oleh pihak Polis.

27. Operasi menangani aktiviti penjualan bayi atau lebih dikenali dengan "OPS KASIH", telah berjaya mengesan sehingga tertangkapnya seramai (10) individu yang terlibat. Seramai (16) bayi dapat dikesan

dan diselamatkan. Ketiga-tiga individu yang terlibat telah dihadapkan ke Mahkamah dan kini menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Perhambaan (Slavery).

28. Isu perhambaan berkait rapat dengan pemerdagangan orang kerana konsepnya adalah seiras dengan ciri-ciri perhambaan moden. Perhambaan adalah satu bentuk guna tenaga yang tidak adil. Sungguhpun dunia mengharamkan perhambaan namun realitinya ia masih wujud di beberapa negara. Walaupun Negara kita tiada rekod menunjukkan berlakunya perhambaan dalam erti kata sebenarnya (slavery per se), namun statistik menunjukkan terdapat sebanyak (44) kes yang diklasifikasi sebagai perkhidmatan paksa di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Dalam kategori ini, mangsanya termasuklah dari kedua-dua jantina (both gender).

29. Bagi jenis eksploitasi ini, PDRM juga telah berjaya menumpaskan satu sindiket di sempadan Malaysia - Thailand dengan tertangkapnya seramai (4) individu. Kesemua mereka telah pun dihadapkan ke Mahkamah dan kini sedang menghadapi perbicaraan.

MAJLIS DAN JAWATANKUASA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG

30. Bagi memperkemas tindakan menangani aktiviti pemerdagangan orang, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 penubuhan sebuah badan yang dikenali dengan 'Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO)' telah diwujudkan oleh Kerajaan. Pada masa ini, MAPO dipengerusikan oleh seorang Ketua Setiausaha (KSU) dengan lain-lain keahlian seramai (16) orang.

31. Antara lain, fungsi MAPO termasuklah:
- 31.1 menyelaras pelaksanaan Akta;
 - 31.2 merumus dasar dan program bagi mencegah dan

- menghapus pemerdagangan orang;
- 31.3 merumuskan program perlindungan bagi mangsa pemerdagangan orang ;
 - 31.4 program pendidikan meningkatkan kesedaran awam, dan lain-lain.
32. Dalam melaksanakan peranan berkenaan, MAPO telah mewujudkan beberapa Jawatankuasa-khas yang terdiri daripada:
- 32.1 Jawatankuasa Perundangan,
 - 32.2 Jawatankuasa Penguatkuasaan (diketuai oleh PDRM)
 - 32.3 Jawatankuasa Perlindungan/Rehabilitasi.
 - 32.4 Jawatankuasa khas menangani eksploitasi buruh
 - 32.5 Jawatankuasa Media dan Publisiti

PELAN TINDAKAN NASIONAL 2010-2015

33. Kedudukan Malaysia yang begitu strategik menjadikan negara ini amat menarik untuk dijadikan pangkalan (base) sindiket pemerdagangan orang. Jika sesuatu yang drastik tidak diambil, negara akan dilabel tidak serius di mata dunia dan kemungkinan terus berada di Tier 3. Untuk itu, Pelan Tindakan Nasional 2010-2015 telah dirumuskan sebagai menunjukkan komitmen dan aspirasi negara dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang. Ia telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein Onn, Menteri Dalam Negeri pada 31 Mac 2010.

34. Pelan Tindakan ini menggariskan hala tuju dan pendekatan yang akan diambil oleh Malaysia bagi tempoh (5) tahun dalam usaha negara ini menangani jenayah pemerdagangan orang ini. Dengan visi “ 1Malaysia , Collectively Committed To Combating Trafficking In Persons ” , Pelan Tindakan ini menggariskan (9) program dan (9) pencapaian strategik.

CABARAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN

35. Kewujudan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 tidak bermakna isu pemerdagangan orang ini dapat diatasi dengan sempurna. Terdapat cabaran yang dikenalpasti berkemungkinan akan menggugat tindakan-tindakan yang akan diambil bagi membanteras gejala ini termasuk:

- a. masalah kekurangan maklumat dan data;
- b. menentukan sama ada mangsa benar-benar angkara pemerdagangan;
- c. taktik pedagang yang berubah-ubah;
- d. masalah kekurangan pengalaman bagi pihak penguatkuasa menangani kes-kes terlibat;
- e. wujud mangsa yang terus mahu kembali ke tempat asal tanpa memikirkan kepentingan pendakwa;
- f. kurang sambutan atau tindak balas masyarakat umum;
- g. keengganan mangsa atau saksi untuk tampil ke hadapan; risiko diusir balik;
- h. keperluan untuk mengadakan sistem kerjasama antara badan-badan penguat kuasa.

KESIMPULAN

36. Pemerdagangan Orang adalah jenayah yang kompleks melibatkan sindiket dan organisasi yang terancang dengan jaringan kerjasama yang mantap. Justeru itu satu pendekatan yang selaras dan komprehensif adalah amat diperlukan dalam usaha kita menangani jenayah yang tidak berperikemanusiaan ini.

37. Selain daripada itu kerjasama dan kolaborasi di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa adalah penting dalam menjamin kejayaan ini.

38. Dengan tindakan-tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan melalui MAPO dan agensi-agensi penguat kuasa negara, khususnya

PDRM, telah memperlihatkan suatu perubahan yang positif ke arah membendung dan mencegah kegiatan global ini.

39. Apa yang perlu dilakukan adalah bagi semua Badan Penguatkuasa dan mereka yang terlibat untuk terus memberikan komitmen, kesefahaman dan kerjasama yang tinggi dan bersepadu dalam melaksanakan tindakan-tindakan berpandukan teras undang-undang ini serta lain-lain peruntukan undang-undang yang sedia ada di samping mencetuskan tindakan sampingan yang proaktif.

40. Kesedaran awam dan komitmen masyarakat keseluruhannya juga dilihat memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi Pelan Tindakan Negara ke arah “1Malaysia - Bersama dan Komited Dalam Membanteras Pemerdagangan Orang”.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan terima kasih.